

20/04/2005

Mahathir-Bandar Raya

MAHATHIR TIDAK MAHU BANDAR RAYA ASIA TIRU BARAT

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Bandar raya di Asia perlu mengelak daripada meniru bandar raya di Eropah serta Amerika dan sebaliknya perlu memulihara warisan dan asal-usulnya, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Kita di Timur gemar sangat meniru orang Eropah dan Amerika. Bandar raya kita sudah jadi macam bandar raya mereka, dengan bangunan tinggi dan rumah pangsa yang sesak. Terdapat restoran McDonald's di merata sudut," katanya.

Berucap pada Forum Datuk Bandar Antarabangsa Republik Rakyat China di Bandar Raya Weifang di Wilayah Shandong, hari ini, beliau berkata kemerosotan kualiti hidup di kawasan bandar begitu ketara di sesetengah bandar raya ternama di Eropah dan Amerika.

Sebaliknya, kata beliau, bandar raya di Asia agak baru dan oleh itu masalah kemerosotan kualiti hidup masih belum muncul.

Menyentuh tentang penjenamaan bandar raya, beliau berkata perancang bandar patut merekabentuk sesebuah bandar dengan memberi tumpuan terhadap penubuhan pusat kecil, meminimumkan bangunan tinggi dan menyediakan sistem pengangkutan awam yang mampu memenuhi keperluan penduduk di samping mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian.

Teks ucapan beliau dikeluarkan di sini.

Dr Mahathir berkata seni bina Asia pada zaman lampau juga patut dihidupkan semula serta disesuaikan dengan keperluan semasa.

"Daripada meroboh bandar lama, lebih baik kita memulihara beberapa jalan di bandar raya lama yang dibarisi rumah kedai daripada kayu," katanya.

Dr Mahathir berkata bandar raya juga perlu diperindahkan dengan tanaman bunga beraneka warna serta tumbuhan yang berwarna-warni.

"Bandar raya perlu dihias dengan landskap agar ia kelihatan seperti sebuah taman seperti yang telah dilakukan di beberapa bandar raya di China," katanya.

Taman-taman juga, kata beliau, perlu dibina di merata tempat di setiap bandar raya dan landskap yang disediakan pula mestilah dihiasi lampu.

Lampu jalan kini bukan saja dipasang untuk menerangi malam tetapi juga untuk mengindahkan suasana, kata beliau.

Bekas Perdana Menteri itu juga berkata kawasan desa yang kaya dengan tumbuhan hijau serta ladang juga perlu dipulihara agar ia terus wujud antara sesebuah pusat bandar raya dengan yang lain.

Dr Mahathir mencadangkan agar pertandingan peringkat antarabangsa dianjurkan sambil menyediakan hadiah lumayan bagi rekabentuk serta susun atur terbaik yang mengandungi seni bina tradisional sesuatu bandar raya atau negara.

Katanya, penjenamaan bandar raya menjadi semakin penting sekarang kerana bandar raya moden mudah kelihatan serupa dan mempunyai kemudahan yang sama.

"Sudah sampai masanya kita cuba mengubah keadaan ini. Asia kaya dengan warisan budaya, senibina dan landskap," katanya.

Beliau berkata oleh kerana Asia kaya dengan warisan, bandar rayanya juga mestilah kelihatan berbeza antara satu dengan lain.

"Apabila bandar raya kelihatan berbeza dan tidak serupa, maka usaha menjenamakannya akan menjadi mudah," kata beliau.

-- BERNAMA

HM AZZ SP PR